

DEWAN MAJLIS**Isnin, 8 Syaaban 1442 / 22 Mac 2021****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL. **(Tidak hadir)**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, PSB.,

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**(Mesyuarat mula bersidang
pada pukul 9.30 pagi)**

**(Mesyuarat mula bersidang pada
pukul 9.30 pagi)**

Yang Dimuliakan Jurutulis:
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Negara Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada pagi ini, iaitu hari yang kelapan didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Dato Paduka Awang Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Abdul Hamid.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ , أَلْحَمْدُ لِلَّهِ , kita bersyukur ke hadrat kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua kita dapat lagi bersama-sama hadir pada pagi ini, bersidang bagi hari yang kelapan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سيدنا محمد صلى الله عليه وسلم , kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2021) Perbekalan, 2021/2022 yang telah pun dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, maka bagi membolehkan kita membincangkan tajuk-tajuk seterusnya dalam Rang Belanjawan yang berkenaan itu maka saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini untuk kita bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi kita meneliti dan menimbangkan Rang Undang-Undang (2021) Perbekalan, 2021/2022 satu per satu. Pada petang semalam Mesyuarat Jawatankuasa telah selesai meluluskan Kementerian Tenaga, kita akan berpindah ke kementerian selanjutnya.

Walau macam manapun sebelum kita berbuat sedemikian, saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Tenaga telah memohon untuk membuat kenyataan tambahan terhadap beberapa soalan yang telah dikemukakan pada hari semalam iaitu hari Ahad, 7 Syaaban 1442 bersamaan 21 Mac 2021. Maka dipersilakan Yang Berhormat Menteri Tenaga.

Yang Berhormat Menteri Tenaga: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Kaola ingin memberikan penjelasan bagi soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Hanapi atas pertanyaan yang telah dikemukakan kelmarin mengenai projek yang bernilai \$600,000.00 adalah bagi Kod Akaun 1108-034, projek yang dimaksudkan ialah Bekalan Elektrik 11KV di Mukim Sukang di Daerah Belait dan bukanlah di Bukit Sawat dan jumlah nilai yang saya kongsi adalah bagi tahun 2021/2022.

Pada masa ini, *status tender* Projek Sukang 11KV sedang dibuka dan akan ditutup pada 27 April 2021 dan projek tersebut dijangka akan berlangsung selama kira-kira 15 bulan dari tarikh penganugerahan. Penganugerahan kontrak kerja dijangka akan dilaksanakan pada bulan September tahun ini tertakluk kepada proses sokongan Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan juga pertimbangan agensi-agensi yang berkenaan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A – Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang mula membincangkan di bawah Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A – Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Sebelum tajuk-tajuk ini kita bahaskan atau kita buka untuk dipersoalkan. Maka saya ingin memberi peluang dahulu kepada Yang Berhormat untuk memberikan mukadimah belanjawan kementeriannya. Saya mempersilakan Yang Berhormat.

Yang Brhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيَّ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي، وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي، وَأَحِلْ لِي غَدَاةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pehin Pengerusi, lebih dahulu, kaola ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan peluang kepada kaola untuk menyampaikan mukadimah pada pagi ini.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, kaola menyambut baik peruntukan yang disediakan kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang berjumlah \$118.5 juta iaitu termasuk sebanyak \$49.9 juta sebagai Perbelanjaan Kemajuan bagi Tahun Kewangan 2021/2022.

Kaola juga berterima kasih atas cadangan bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk menggunakan peruntukan Perbelanjaan Berulang-Ulang sebanyak \$37 juta yang mana antara lain untuk membiayai projek-projek berikut:

- a. Sejumlah \$15.7 juta disediakan di bawah Skim Pembelian Semula Padi serta bagi pembelian benih-benih padi hibrid untuk diagihkan kepada peladang-peladang padi.;
- b. Sejumlah \$3.9 juta bagi projek pemeliharaan aset di bawah Jabatan Perikanan.;

- c. Sejumlah \$1 juta bagi kerja-kerja pencegahan banjir dan kemudahan pengairan di beberapa kawasan-kawasan pertanian.;
- d. Sejumlah \$4.6 juta antara lainnya adalah bagi membiayai Program Pengiktirafan Akreditasi, termasuk bagi Makmal Perkhidmatan Veterinar yang bertujuan untuk menjamin keselamatan produk industri ternakan sehingga berjaya menembusi pasaran eksport.

Melalui Perbelanjaan RKN11 pula, kaola bersyukur kerana disediakan sebanyak B\$49.9 juta antaranya bagi membiayai projek-projek berikut:

- a. Sebanyak \$8 juta adalah perbelanjaan Kemajuan Pertanian, untuk melaksanakan pembukaan kawasan penanaman padi Fasa Ke 2 di Kawasan Kandol, Daerah Belait.;
- b. Sebanyak \$3.8 juta bagi membina skim pengairan kawasan penanaman padi di seluruh daerah.;
- c. Sebanyak \$10 juta bagi mendukung peningkatan keluaran sayur-sayuran menggunakan teknologi tinggi.;
- d. Sebanyak \$17 juta bagi mendukung pembangunan industri ternakan.;
- e. Sebanyak \$7.2 juta adalah perbelanjaan Kemajuan Perikanan untuk membuka tapak-tapak bagi industri akuakultur.;

f. Sebanyak \$1.5 juta adalah perbelanjaan Kemajuan Pelancongan bagi pengukuhan produk-produk pelancongan.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Bagi mengurangkan pergantungan sepenuhnya kepada perbelanjaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, beberapa inisiatif telah juga dilaksanakan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui kaedah *Public Private Partnership (PPP)*.

Sebagai contoh dalam sektor perikanan, berikutan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam jua dan melalui *Request For Proposal (RFP)*, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah melantik *Muara Port Company Sdn. Bhd. (MPC)*, sebuah syarikat *GLCs* milik bersama *Darussalam Assets Sdn. Bhd. (DA)* dan Beibu Group dari Republik Rakyat China, iaitu bagi mereka bentuk, membangun, mengurus dan memelihara Kompleks Pendaratan Ikan di Serasa. *اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ*, projek yang keseluruhannya bernilai sekitar \$28 juta ini tidak melibatkan peruntukan dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, kesemuanya dibiayai oleh pihak swasta.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Beberapa tahun kebelakangan ini, kaola telah mengongsikan inisiatif-inisiatif yang diungkuhkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi meningkatkan keluaran sektor

pertanian dan perikanan. Kini, tiba masanya kaola mengongsikan pencapaian-pencapaian kementerian ini dalam sektor pertanian, perikanan, perhutanan dan sektor pelancongan sepanjang tahun 2020 yang lalu;

- Jumlah keluaran ayam pedaging bagi tahun 2020 meningkat sebanyak 7.24% kepada 26,364.82 metrik tan, iaitu tahap keluaran yang paling tinggi pernah dicapai oleh negara kita.;
- Jumlah keluaran telur ayam bagi tahun 2020 meningkat sebanyak 7.71% kepada 171.93 juta biji.;
- Jumlah keluaran daging kerbau dan lembu bagi tahun 2020 meningkat sebanyak 46.67% kepada 2,148.75 metrik tan.;
- Jumlah keluaran beras bagi tahun 2020 meningkat sebanyak 67.4% kepada 2,511.31 metrik tan.;
- Jumlah import beras bagi tahun 2020 menurun sebanyak 6.02% kepada 34,082.40 metrik tan.;
- Jumlah keluaran ikan dan udang bagi tahun 2020 meningkat sebanyak 10% kepada 16,120 metrik tan.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Kaola seterusnya sukacita mengongsikan mengenai pencapaian sara diri keluaran industri pertanian dan perikanan pada tahun 2020:

- Bagi sektor ternakan, negara secara purata hampir mencapai tahap 100% sara diri dalam sektor bekalan ayam pedaging, 100% sara diri bagi bekalan telur ayam dan sekitar 62% sara diri bagi bekalan daging kerbau dan lembu.;
- Bagi sektor tanaman pula, negara mencapai sekitar 67% sara diri bagi bekalan sayur-sayuran tropika dan sekitar 46% sara diri bagi bekalan buah-buahan tropika.;
- Bagi sektor padi (beras), negara mencapai secara purata sekitar 8.23% sara diri.;
- Bagi sektor perikanan, negara mencapai secara purata sekitar 81% sara diri.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Ketika ini, sektor pertanian dan agrimakanan menyediakan sebanyak 8,184 pekerjaan dengan 42% adalah anak-anak tempatan, sektor perikanan menyediakan 2,995 pekerjaan, 65% adalah anak-anak tempatan dan sektor perhutanan menyediakan 667 pekerjaan dengan 22% adalah anak-anak tempatan.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Bagi sektor pelancongan, jumlah ketibaan pelancong melalui udara ke negara ini menurun dari 333,240 orang pada tahun 2019 kepada sekitar 62,000 orang pada tahun 2020, terutama disebabkan wabak *COVID-19*. Walau

bagaimanapun, bagi memastikan adanya kesinambungan dalam perniagaan berkaitan pelancongan, maka Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan kerjasama *stakeholders* telah mengadakan aktiviti mempromosi pelancongan domestik, terutama melalui promosi makanan tempatan di ke semua daerah di Negara Brunei Darussalam.

Ketika ini, sektor Pelancongan menyediakan sebanyak 3,152 pekerjaan, 70% adalah anak-anak tempatan.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Sekianlah sahaja mukadimah ringkas kaola sebagai maklumat asas berkenaan peruntukan bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, dan berkenaan pencapaian sektor-sektor yang dikendalikan di bawah kementerian ini.

Sebagai makluman Yang Berhormat Pehin Pengerusi jua, kementerian kaola juga telah mengaturkan 4 siri lawatan keempat-empat daerah khas untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara pada bulan Januari lalu, untuk memberi peluang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat meninjau secara dekat perkembangan beberapa aktiviti pertanian, perikanan, perhutanan dan pelancongan di seluruh negara.

Di antara yang dilawati, di Daerah Belait, ialah sistem irigasi menggunakan air bawah tanah bagi Ladang Padi Kampung Labi, ladang kopi juga Kampung Labi dan ladang buah-buahan berkeluasan 200 hektar di Kawasan Kemajuan Pertanian

Merangking. Di Daerah Tutong ialah kolam udang berkeluasan 200 hektar di Kampung Sungai Penyatang, ladang pisang *cavendish* dan ternakan lembu secara *feedlot* di Kawasan Kemajuan Pertanian Batang Mitus. Di Daerah Temburong, ialah ladang buah-buahan di Kawasan Kemajuan Pertanian Selangan dan Kawasan Kemajuan Pertanian Semabad dan projek pembangunan 30 calet mewah pelancongan secara *Public Private Partnership (PPP)* di Kampung Perdayan. Manakala, di Daerah Brunei dan Muara, antaranya ialah perusahaan tanaman melon berteknologi tinggi, termasuk penggunaan *Internet-of-Things (IOT)* di Kawasan Kemajuan Pertanian Tungku dan perusahaan kitar semula najis ternakan untuk dijadikan baja organik di Kampung Kuala Lurah. Kaola merasa kagum dan mengucapkan berbilang terima kasih atas minat yang ditunjukkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di sepanjang sesi-sesi lawatan berkenaan.

Akhirnya, setinggi-tinggi terima kasih kaola ucapkan kepada Yang Berhormat Pehin Pengerusi di atas peluang yang diberikan kepada kaola untuk menyampaikan mukadimah pada pagi ini.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas huraian mukadimah yang telah pun diberikan berhubung dengan penyediaan

belanjawan kementeriannya bagi tahun yang ini.

Saya mempunyai senarai yang agak panjang mengandungi nama Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta membahaskan tajuk ini. Maka untuk tidak membuang masa lagi sementara mereka pun sudah tertunggutunggu akan panggilan saya, maka saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ
رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي. وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَأَحِلِّ لِي عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Lebih dahulu kaola ingin merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan atas pembentangan kertas kerja yang terperinci daripada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Kaola bercakap mengenai di bawah Tajuk SH02A – Jabatan Perhutanan dengan jumlah peruntukan sebanyak \$7,381,690.00 iaitu di bawah Kod Akaun 00/002 – Pengurusan dan Operasi Industri Perkilangan Papan dan Industri Hiliran.

Yang Berhormat Pengerusi, dalam meningkatkan keluaran dalam negara kasar menerusi perindustrian hutan

setentunya Jabatan Perhutanan perlu mempelbagaikan cara untuk pertumbuhan eksport iaitu meningkatkan produktiviti keluaran dengan menggunakan kaedah teknologi moden juga melibatkan usaha sama dengan Pelaburan Langsung Asing (*FDI*), meningkatkan industri hiliran dan nilai tambah menggunakan sumber kayu dan bukan kayu umpamanya rotan. Tetapi, dalam masa yang sama memastikan kelestarian dan keunggulan hutan dan alam sekitar dalam kata lain apa juga sumber kehijauan hutan negara ini akan berkekalan.

1. Apakah satu cara atau prosedur yang dilakukan oleh jabatan ini dalam mengimbangi antara meningkatkan pengeluaran industri perhutanan dengan sekatan pengambilan sumber hutan yang perlu dipertahankan daripada pupus?;
2. Apakah ada satu kajian telah dibuat terhadap kayu jati yang tumbuh liar dengan subur di mana-mana sahaja di negara ini jika ia ada potensi dengan nilai komersial?;
3. Apakah atau berapakah syarikat luar yang mengadakan usaha sama *FDI* dalam industri hiliran?;
4. Apakah kerangka tindakan pemuliharaan alam sekitar dan *biodiversity* yang telah dilaksanakan oleh jabatan ini bagi memulih kemusnahan flora dan fauna akibat projek penerokaan hutan dan pengambilan kayu-kayan dan berapa jeniskah binatang liar yang termasuk

dalam Akta Perlindungan Binatang Liar yang terikini ataupun tambahan yang terbaharu.

Seterusnya ialah di bawah Tajuk SH03A-Jabatan Perikanan. Yang Berhormat Pengerusi, penyu tidak akan dapat hidup dan membiak dengan sendiri tanpa bantuan manusia. Maka kitaran hayat penyu akan pupus. Kita perlu memastikan kawasan yang menjadi tempat penyu mencari makan dan tempat bertelur. Penyu dan juga hidupan marin yang lain menghadapi pelbagai jenis ancaman dan sebahagian besarnya berpunca daripada perbuatan manusia sendiri.

Contohnya, bahan-bahan plastik dan toksik. Kaola mengetahui adanya Unit Pemuliharaan dan Pemeliharaan Penyu di hujung Pantai Serasa. Dalam menangani isu ini, apakah tindakan Jabatan Perikanan menerusi Unit Pemuliharaan dan Pemeliharaan Penyu dalam mengurangkan kadar kepupusan kitaran hidup penyu?

Sejak tertubuhnya Unit Pemuliharaan dan Pemeliharaan Penyu dalam melaksanakan projek ini, berapakah statistik pencapaian populasi dan mendaratnya penyu ke pantai-pantai yang sesuai di negara ini untuk bertelur? Walau bagaimanapun, disarankan kerjasama semua pihak khususnya masyarakat mempunyai kesedaran menjaga kesejahteraan dan keselamatan kawasan marin iaitu tidak menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab ini kepada unit tertentu atau kerajaan semata.

Pembuangan sampah-sarap seperti plastik dan toksik serta bahan buangan yang lain menyebabkan kerosakan hidupan marin. Oleh itu, Akta dan Peraturan Pembuangan Sampah di kawasan persekitaran marin perlu juga dilaksanakan sepertimana yang dikuatkuasakan di darat sekarang ini.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat. Ada beberapa soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat:

1. Sektor Perhutanan, kaola melihat soalan 1 dan 4 ada kaitannya. Mengimbangi antara peningkatan pengeluaran industri perhutanan dan sekatan pengambilan sumber-sumber hutan yang perlu dipertahankan daripada kepupusan, seperti yang dimaklumi Jabatan Perhutanan adalah autoriti ataupun *regulator* yang mengawal aktiviti-aktiviti yang berhubung kait dengan perhutanan iaitu daripada pembalakan dan perkilangan sumber-sumber hutan.

Terutama sekali, Jabatan Perhutanan adalah autoriti yang memberi lesen kepada penguasa dalam negara untuk membuat kerja pembalakan. Selama ini, jumlah penguasa yang diberi lesen telah pun dikurangkan daripada 21 penguasa kepada 16 penguasa disebabkan kurangnya aktiviti yang

dilakukan oleh pemegang-pemegang lesen berkenaan.

Di samping itu, setiap tahun kuota bagi pembalakan dihadkan kepada 10 ribu *square metric cubic feet* kayu saja yang dibenarkan untuk diusahakan ataupun ditebang oleh peneroka-peneroka dalam bidang pembalakan. Adapun didapati secara purata kuota ini tidak habis diusahakan oleh pengusaha sekitar 60% sahaja. Itu acara pengawalan berapa jumlah kayu yang dapat ditebang oleh pembalakan-pembalakan dalam negara.

Selanjutnya, Jabatan Perhutanan juga ada mengadakan polisi bagi setiap satu pohon kayu yang ditebang oleh pengusaha akan diganti dengan penanaman 4 pohon kayu lagi. Kementerian juga melalui jabatan memang terus-menerus mengadakan aktiviti penghijauan hutan. Sejak 10 tahun yang lalu kita telah menanam sekitar 2 juta pokok. Ini akan *disupport* lagi dengan inisiatif *green protocol climate change inisiatif* bahawa target kita untuk menanam sekitar 500 ribu kayu lagi menjelang 2035.

Walaupun kita menggalakkan aktiviti pembalakan dan pengilangan kayu-kayuan untuk menjadikan papan ataupun menjadikan perabot. Aktiviti ini terhad. Kitani akan cuba untuk memastikan kelestarian hutan kita untuk dinikmati oleh generasi-generasi yang akan datang.;

2. Kayu jati, kaola berpendapat mungkin yang dimaksudkan ialah kayu akasia yang banyak terdapat di negara kita sepanjang *highway* dan di mana-mana. Adalah difahamkan bahawa asalnya pokok akasia ini dimport bagi tujuan untuk mengurangkan hakisan tanah di seluruh negara terutamanya di sepanjang *highway* dan jalan-jalan raya.

Kayu akasia ataupun jati ini bukanlah dikategorikan sebagai kayu yang bernilai komersial. Walau bagaimanapun satu kegunaannya ialah sebagai sumber untuk membuat kayu arang (*charcoal*) iaitu beberapa syarikat memang aktif dalam mengusahakan pengeluaran kayu arang sama ada kayu jati ataupun menggunakan sisa-sisa daripada kilang papan. Oleh yang demikian kayu, jati ini bukanlah yang benar komersial yang boleh digunakan sebagai membuat papan ataupun sebagainya kerana strukturnya yang tidak *straight* dan di bawahnya sudah bercabang-cabang.;

3. *FDI* dalam industri hiliran. Buat masa ini belum aktif penggalakan *FDI* dalam bidang hiliran. Kita sedang menggalakkan industri dalam negara untuk berkecimpung dalam industri hiliran sebenarnya yang diketahui seminggu lepas sampai semalam. Kita mengadakan aktiviti ekspo dan pertandingan membuat perabot dari bahan kayu dalam negara dalam kalangan pengusaha-pengusaha tempatan. **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ**, mendapat sambutan yang baik dan abiskaola

bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan untuk memastikan perabot-perabot yang dikeluarkan oleh penguasa kita sesuai untuk digunakan di rumah-rumah perpindahan di seluruh negara dengan harga yang berpatutan.;

4. Kaola mahu tambah saja berkenaan dengan jenis binatang liar yang termasuk dalam Akta Perlindungan binatang liar. Untuk makluman ketika ini ada sebanyak 34 spesis jenis binatang liar yang tekandung dalam Akta Perlindungan binatang liar. Walau bagaimanapun, reviu sedang dibuat dengan pihak Peguam Negara untuk menilai semula jumlah ini sama ada perlu ditambah.

Sektor Perikanan, soalan mengenai penyu. Apakah tindakan jabatan dalam mengurangkan kadar kepupusan kitaran hidup penyu? Untuk makluman, penyu laut terkawal di bawah *Appendix 1 Convention Perdagangan Antarabangsa spesis terancam* ataupun *Convention on International Trade Of Endanger Species*.

Appendix ini melarang eksploitasi binatang-binatang bagi tujuan perdagangan dan dengan sendirinya memastikan binatang itu tidak pupus. Kegiatan yang dibuat yang diungkayahkan oleh Jabatan Perikanan *basically* dari segi aktiviti program rondaan pantai, pendaratan penyu di mana dilaksanakan semasa musim. Aktiviti Program Kesedaran Awam, Program Penandaan Penyu

(*Tagging*), Program Penetasan Telur Penyu dan juga Program Pelepasan Anak-Anak Penyu dan Program Sukarelawan Penyu.

Program ini bukanlah program yang aktif sebagai fokus Jabatan Perikanan sebenarnya dan abiskaola amat berharap agar banyak pihak sukarelawan akan ikut serta dalam aktiviti dalam memastikan tiada kepupusan penyu dan kita memang banyak mendapati sekolah-sekolah antarabangsa dan pihak swasta serta kerajaan juga yang aktif dalam aktiviti melepaskan penyu ke laut.

Berapakah populasi penyu dalam negara? Malangnya kementerian tidak melaksanakan pemantauan populasi secara terperinci oleh yang demikian jabatan berharap lebih banyak sukarelawan dapat membantu kementerian dan jabatan untuk mendapatkan data-data sebenar populasi penyu ini.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada membawakan beberapa pertanyaan:

1. Memajukan sektor pertanian. Bagi memajukan sektor pertanian Negara Brunei, kaola ingin mencadangkan agar kaedah

pertanian diubah dengan mengaplikasikan kaedah teknologi yang lebih moden selain itu pihak berkenaan juga diharap akan dapat membantu para pengusaha dengan membuka lebih banyak kawasan baharu untuk bertani dan berternak ikan. Bagi meningkatkan lagi industri pertanian dan perikanan negara ini satu sistem pemasaran perlu diwujudkan tanpa orang tengah serta penduduk di negara ini perlu digalakkan untuk membeli produk tempatan dengan harga yang dapat dijangkau.; dan

2. Pameran mengenai produk tempatan perlu diadakan secara berterusan agar memberikan motivasi kepada rakyat tempatan lainnya dalam sama-sama menjana pendapatan bagi suatu masyarakat itu sendiri dan juga agar pengeluar mata wang keluar negara melalui pengimportan makanan dapat dikurangkan.;
3. Seterusnya latihan kemahiran. Buruh yang bekerja dengan sektor pertanian negara perlulah diberikan latihan kemahiran sama ada dalam jangka pendek atau panjang. Pemerhatian yang konsisten dan peningkatan kemahiran dalam menggunakan kaedah teknologi terkini mengikut arus kemodenan perlu diberikan penekanan secara tidak langsung ia akan dapat memberikan peluang kemahiran dan pekerjaan kepada rakyat tempatan sendiri dan tidak bergantung pada orang luar negara semata-mata. Oleh itu, kaola mencadangkan agar

ditambah baik Pusat Latihan Perikanan untuk memberikan latihan bersepadu bagi melahirkan buruh atau pekerja mahir dan separa mahir.; dan

4. Kawasan pembiakan ikan. Bagi menambahkan produk ikan di negara ini, Jabatan Perikanan perlu menjalankan kajian kerja terhadap kawasan yang boleh dijadikan tempat pembiakan ikan. Pusat penyelidikan perlu ditubuhkan agar benih-benih atau baka-baka ikan yang dihasilkan oleh negara berkualiti tinggi. Selain itu kaola mencadangkan agar ditambah tukun-tukun tiruan yang boleh dihasilkan daripada tayar-tayar terpakai dan juga konkrit batu agar menambah bekalan ikan.

Kaola juga mencadangkan agar kawasan-kawasan pembiakan ikan dilarang untuk kegiatan menangkap ikan dan denda hendaklah dikenakan ke atas penceroboh. Ini diharapkan akan dapat meningkatkan hasil pengeluaran negara dalam menjana ekonomi yang lebih mampan.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya memanglah dalam strategi kementerian untuk memberi tumpuan kepada penggunaan teknik-teknik moden dalam pengeluaran sektor pertanian terutamanya dalam sektor tanaman sayur-sayuran, buah-buahan dan lain-lain lagi. Jadi dalam strategi dan

sebagai meningkatkan produktiviti, ertinya dalam 1 hektar kalau boleh penggandaan *yield* akan berterusan sebagai contoh padi, dulu *yield* Padi Laila kitani cuma 2 metrik tan ke 3 metrik tan kemudian kita perkenalkan jenis padi baharu walaupun dari *variety* yang di import dari negara jiran macam *hybrid*, menjadi 5 tan sehektar dan kita 2 tahun lepas kita telah memperkenalkan Padi Sembada yang mana setiap hektar hasilnya meningkat daripada 4 tan kepada 6 tan sehektar dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** pada masa ini satu percubaan sedang dibuat untuk memperkenalkan benih padi yang dapat menghasilkan sehingga 8 tan sehektar.

Jadi, dengan teknologi *hybrid* kitani boleh meningkatkan pengeluaran kita kepada setiap hektar dan akan memperkayakan peladang-peladang kita sendiri. Sama juga dengan teknik menggunakan hydroponik, fertisasi dan *Aquaponics* semua ini untuk menjimatkan kawasan, menjimatkan tenaga tetapi juga akan menggandakan hasil pada peladang berkenaan dan mendapat hasil yang konsisten dan selamat untuk dimakan adalah yang penting.

Dengan kawalan yang rapi dan kawalan terperinci menggunakan teknologi tinggi dengan baja ataupun racun yang digunakan terkawal ataupun pada tahap minimal sahaja jika perlu tidaklah perlu.

Dengan menggunakan rumah terlindung atau *Green Houses* kita memastikan peniadaan, penggunaan *pesticide* racun-racun yang *dispray* yang akan

menyebabkan keluaran sayuran kitani lebih selamat lagi. Tetapi harus dipahami semua ini memerlukan modal yang besar di peringkat permulaan kepada peladang-peladang berkenaan, yang penting ini adalah sebagai satu *direction* atau hala tuju kitani dalam bidang pertanian bagi memastikan peningkatan keluaran yang berkualiti dan menjimatkan tanah kitani.

Yang Berhormat pun sudah dibawa melawat ke beberapa ladang kitani di *Agritech Park* dengan menggunakan *internet of things* pun digunakan dalam memastikan baja yang cukup air iaitu cukup bagi setiap pohon sayur dan buah yang ditanam itu.

Mengenai lebih banyak kawasan, *إِنْ شَاءَ اللهُ*, pada masa ini dalam kajian untuk maklumat kawasan yang dialokasi untuk pertanian sekitar 8,000 hektar dan yang dipakaikan pada masa ini cuma dalam 4,000 hektar sahaja yang belum dipakai itu bukit-bukit, mungkin kawasan yang banjir dan pada masa ini kementerian sedang mengkaji adakah perlu kitani mendapatkan kawasan baharu bagi memudahkan orang ramai aktif dalam bidang pertanian.

Bagi pemasaran, sistem pemasaran bagi memudahkan pemasaran hasil-hasil peladang, seperti yang dimaklumi juga kementerian mulai bulan Ogos tahun lepas telah mengadakan pasar tani di Stadium Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan dalam musim tertentu sehingga

2000 pengunjung akan mengunjungi pasar berkenaan setiap minggu dari pukul 6 pagi hingga pukul 11 pagi.

Biskaola bercadang kalau ada keperluan untuk menambah harinya lagi iaitu dari hari Ahad ke hari Jumaat dan Sabtu dan menambah masanya dari pagi hingga ke petang. Ini tertakluk kepada keupayaan peladang kitani untuk menyediakan bahan-bahan untuk dijual.

إِنَّا نَحْمَدُكَ يَا اللهُ, kita mendapati peladang dari Daerah Temburong sehingga Labi ikut serta dalam 'Pasar Kitani' ini setiap minggu dan Yang Berhormat dialu-alukan untuk berkunjung setiap minggu ke 'Pasar kitani' di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Mengenai pameran, *إِنْ شَاءَ اللهُ* aktiviti ini akan cuba diungkayahkan, tapi selalunya tertakluk kepada peladang kitani sama ada mereka ada bahan untuk dipamerkan atau tidak. Kitani menggalakkan, kalau ada yang dipamerkan, pameran, kalau ada akan dijual, jual. Sebenarnya kalau mengadakan 'Pasar Kitani' itu secara langsung ia sebagai pameran.

إِنْ شَاءَ اللهُ, barangkali dalam bulan November tahun ini, kita akan merayakan Hari Peladang dan Hari Nelayan dengan mengadakan pameran secara kecil-kecilan mengikut keupayaan kewangan kitani dan peladang-peladang telah pun dimaklumkan supaya mereka bersedia untuk menyediakan bahan-bahan yang boleh dipamerkan pada hari berkenaan.

Selanjutnya Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin mencadangkan beberapa aktiviti latihan kepada peladang-peladang. Aktiviti latihan adalah aktiviti yang berterusan dilaksanakan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Pertanian dan Jabatan Perikanan dengan memanggil beberapa orang yang berminat termasuk belia lepasan sekolah untuk diperkenalkan aktiviti-aktiviti berladang ini secara komersial.

Jadi, mereka diajar dari segi jenis tanaman atau jenis aktiviti yang bagus diceburi, yang boleh menguntungkan kepada mereka berapa kos untuk memulakan perniagaan dalam bidang ini dan berapa hasil yang boleh dikaut ataupun dituai daripada aktiviti berkenaan.

Apakah kos bulanan dan tahunan operasi bagi aktiviti ini dan apakah keuntungannya yang dapat diraih setiap bulan, setiap tahun dan sepanjang 10 tahun, berapakah wang tunai yang boleh dikumpul sekiranya aktiviti ini dibuat secara bersistem? **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ**, melalui Kementerian Pendidikan, **IBTE** di Kampung Wasan adalah sebagai institusi pendidikan yang banyak juga menawarkan kursus-kursus dari peringkat diploma rendah ke peringkat diploma tinggi malah peringkat tidak silap *degree* barangkali juga kepada orang ramai, belia terutamanya untuk mempelajari bidang pertanian dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita berharap mereka akan turut serta dalam bidang pertanian apabila mereka lepas daripada sekolah mereka.

Berkenaan dengan kawasan-kawasan pembiakan ikan sama ada di darat ataupun di laut, kita memang menggalakkan peladang-peladang ikan, penternak ikan dan juga nelayan-nelayan untuk berkecimpung meningkatkan keluaran ikan kitani supaya kita tidak terlampau bergantung pada import.

Jadi sektor akuakultur di darat, kita menggalakkan orang memelihara ikan air tawar sekiranya tunjuk ajar akan dibuat dari segi penetasan sampai pembesaran, penuaian ikan dan juga pembungkusan pun boleh diajar. Sama jua akuakultur di sungai-sungai, di laut-laut digalakkan dan boleh dibuatkan bimbingan macam mana cara yang terbaik untuk mengusahakannya. Kalau nelayan yang ingin menggunakan perahu-perahu besar untuk ke laut dalam, pun digalakkan sama ada bersendirian ataupun dengan bekerjasama dengan *FDI* untuk usaha menangkap ikan di laut dalam.

Tapi, sekarang kita akan memberi fokus kepada praktis yang lebih *sustainable* dan meniadakan penerbitan lesen-lesen baharu untuk menangkap ikan menggunakan pukut tunda yang dikira sebagai lebih cenderung kepada penghapusan sumber ikan dan lebih menggalakkan menggunakan pancing dan cara-cara lain.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Saya ingin menyentuh mengenai pengurusan industri tanaman ternakan dan agrimakanan. Soalan saya ialah, apakah status dan kejayaan-kejayaan yang dapat dikongsikan mengenai projek yang dipanggil 'Projek Pertanian Mudah dan Murah' bagi golongan belia yang menganggur serta teknik 'Pertanian Mudah dan Murah' bagi golongan kurang berkemampuan?

Pada pendapat saya, ada baiknya perkara ini dilaratkan kepada orang ramai yang mahu menjalankannya secara separuh masa atau yang baru berjinak-jinak, daripada mereka membeli atau yang baru berjinak-jinak ini mengeluarkan modal yang besar, pihak kerajaan boleh menyewakan sahaja peralatan yang diperlukan ataupun bantuan baka atau induk yang berkualiti supaya dapat lagi meningkatkan produktiviti malah juga untuk menolong meningkatkan lagi tahap *food security* kitani ini.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat. Teknik tanaman ataupun ternakan murah dan mudah memang sudah diperkenalkan sekitar tiga tahun yang lalu. Ini bertujuan memudahkan ibu-ibu tunggal ataupun orang yang tidak berkeupayaan untuk terus berkecimpung dalam bidang pertanian juga. Ertinya, tidak perlu

mereka pergi jauh, *even* di belakang rumah pun mereka boleh bertanam sayur-sayuran seperti sawi, bayam dan lain-lain lagi.

Malah penduduk kampung air pun boleh, bertanam sayur-sayuran di beranda mereka dengan menggunakan 'teknik murah dan mudah' ini. Tunjuk ajar memang dapat diberikan oleh Jabatan Pertanian.

Memang telah dibuat diseluruh negara sampai di Kampung Bukit Tutong, Kampung Air dan Kampung Mulaut. Jadi, dengan kerjasama Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Pusat Da'wah kerana mereka ini mempunyai ahli-ahli yang memerlukan teknik murah dan mudah. Menggunakan sisa-sisa botol buangan digunakan sebagai teknik *hydroponic*. Singkatnya, perkara ini sudah diusahakan dan terpulanglah kepada yang *beneficial* iaitu orang yang dibantu untuk sama ada terus melaksanakannya ataupun tidak.

Kedapatan daripada biskaola Yang Berhormat Pengerusi, masalah sama ada mereka tidak jemu ataupun terus-menerus melaksanakan ataupun meungkayahkan kerja itu. Kalau tidak sia-sia juga dan biskaola **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan terus, *our people* sendiri yang akan ke sana membuat permulaannya.

Kemudian ditambah saja, tapi untuk memulakannya memang sudah ada dibuat tunjuk ajar malah banyak pihak yang memabantu untuk memulakan saja. Bila ada hasil dikumpulkan, boleh disambung. Kadang-kadang satu unit itu

harganya cuma \$50.00 sahaja, tetapi tidak apa. Itulah orang sanggup membantu, tetapi yang penting adakah barang itu dapat terus dibuat atau tidak? Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menyentuh di bawah Tajuk SH06A dan di bawah Tajuk SH04A.

Dalam kesempatan ini, kaola ingin mengusulkan satu cadangan kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan juga mungkin terkait dengan kementerian yang lain. Kaola memetik perbualan kaola dengan dua orang ahli *Exco* Negeri Selangor dan Negeri Sarawak, yang kaola jumpa di sebuah hotel di Miri, Sarawak, Malaysia sebelum *COVID-19* melanda dunia, yang pada masa itu, baru sahaja habis melawat negara ini dan mereka mengatakan bahawa: Sepanjang perjalanan pergi dan balik dari Bandar Seri Begawan menuju ke Miri melalui lebuh raya kitani, beliau hanya nampak Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah yang indah dan beberapa bangunan sahaja dan merumuskan bahawa Negara Brunei Darussalam tidak banyak tempat yang akan dilawati sebab sepanjang jalan beliau nampak pokok yang menghijau.

Dari perbualan itu, kaola berfikir di manakah ruang yang perlu diperbaiki dari kenyataan ahli *Exco* itu? Kaola dan

kitani semua tahu bahawa negara ini mempunyai banyak tempat menarik dan unik untuk dilawati dan dinikmati di semua daerah di negara ini. Hasil permuzakarahan kaola dengan anak buah dan juga orang-orang berkepentingan, mencadangkan supaya papan-papan tanda merujuk hala tuju berwarna coklat menuju ke tempat-tempat menarik di negara ini termasuk ladang-ladang berbagai-bagai produk dan sebagainya untuk dipasang di lokasi strategik yang sentiasa dilihat oleh mata sepanjang lebuh raya dan juga jalan raya menuju ke tempat-tempat menarik berkenaan.

Kaola dengan anak buah percaya akan menambah baik kaedah promo yang sedia ada yang kaola percaya tidak sampai kepada semua golongan masyarakat termasuk orang Brunei sendiri. Kaola juga percaya melihat papan tanda itu setiap hari sepanjang lebuh raya dan jalan raya berkenaan, akan setentunya boleh mencuit hati orang Brunei sendiri untuk membuat perancangan melawat tempat-tempat menarik itu. Sebagai satu pilihan dalam negeri, apatah lagi kalau sudah sempadan dibuka. Inilah masa yang tepat untuk bertindak.; dan

Kaola juga mencadangkan agar peruntukan tambahan untuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memasang papan-papan tanda ini termasuk juga projek pemulihan mana-mana tempat menarik yang di bawah

kawalan Jabatan Daerah yang memerlukan perhatian.

Kaola rasa sebelum dibuka sempadan ini, inilah 'bisai' bertindak. Dengan papan-papan tanda itu, anak-anak muda boleh tahu juga tempat-tempat menarik di negara ini, negaranya sendiri. Jadinya, bukan lagi KNK (Kenali Negara Kitani) tetapi kitani ubah kalau dicadangkan KLBNK (Kenal, Lawat dan Belanja dalam Negara Kitani).

Sektor pertanian dan perikanan menjadi salah satu tumpuan sumber mempelbagaikan ekonomi negara dan menyumbang pertumbuhan KDNK negara. Berikutan itu, kaola sukacita mencadangkan supaya bidang pertanian dan perikanan ini bagi menarik minat generasi baharu pada masa ini perlu dipertimbangkan agar dapat ditawarkan oleh sektor pendidikan.

Langkah ini bukanlah asing bagi negara-negara yang maju dalam bidang pertanian. Mata pelajaran sains pertanian, umpamanya sudah diperkenalkan di peringkat sekolah-sekolah menengah dan peringkat pengajian tinggi bertaraf diploma dan ijazah sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat kitani tadi.

Sekianlah sahaja,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:
Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih, Yang Berhormat.

Tadi Yang Berhormat mengemukakan dua cadangan:

1. Mengadakan papan-papan tanda sebagai panduan kepada orang ramai dan pelancong-pelancong di tempat-tempat yang menarik di seluruh negara. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, perkara ini akan dilihat, Yang Berhormat Pengerusi dan akan dirunding dengan kementerian berkenaan untuk kitani melaksanakannya *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*; dan
2. Bagi generasi baharu untuk diberikan pendedahan dalam mata pelajaran bidang pertanian ataupun perikanan dan lain-lain lagi. Seperti yang dimaklumi, *IBTE* Wasan telah pun ditubuhkan beberapa tahun yang lalu iaitu sebagai kesinambungan kepada yang asalnya, Sekolah Pertanian di Sinaut dan abiskaola juga ada berhubung dengan *IBTE* untuk memastikan keselarasan subjek-subjek yang mereka utamakan di sekolah-sekolah *IBTE* itu bersesuaian dengan kehendak pada masa ini dan malah abiskaola juga berunding dengan pihak UBD, UTB dan UNISSA untuk memastikan *research* dalam bidang pertanian, perikanan dan ternakan dapat mereka buat, bagi membantu kementerian dan industri dan orang ramai, *particularly* peladang, dan memastikan kualiti *production* dan produktiviti pengeluaran mereka meningkat dari semasa ke semasa. Jadi, barang ini sudah pun dibuat dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan dikukuhkan lagi.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola sukacita mohon izin dengan membawakan Tajuk SH02A – Jabatan Perhutanan dengan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2021/2022 sebanyak \$7,381,690.00 dan sementara Perbelanjaan Kemajuan pula ialah \$600,000.00 bagi Perbelanjaan Tahun 2021/2022.

Kaola lebih dahulu mengambil kesempatan merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, tahniah Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi. Melalui program utama yang dipaparkan oleh jabatan ini, kaola sukacita menyokong sepenuhnya atas tugas dan tanggungjawab melaksanakan dasar perhutanan. Dalam meningkatkan produktiviti, pemantauan dan pengawalan aktiviti dan hutan atau berkaitan perhutanan yang merupakan aset negara ke arah menyumbangkan pendapatan negara. Sebagaimana pada

tahun 2019/2020, telah menghasilkan jualan industri hiliran berasaskan kayu sebanyak \$8.48 juta.

Yang Berhormat Pengerusi. Sebagaimana kita maklum, bahawa hutan tropika Negara Brunei Darussalam ini bukan sahaja kitani melihat penghijauan kayu-kayuan ataupun segala kayu-kayu yang dapat menghasilkan balak, malah terdapat berbagai-bagai jenis tumbuhan yang berkhasiat yang hidup sebagai bahan makanan yang alami dan semula jadi. Ini semuanya adalah kurnia daripada
اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى

Tumbuh-tumbuhan ini telah menjadi hasil pendapatan kepada masyarakat di kampung-kampung yang rajin meneroka di dalam hutan berdekatan kampung mereka di mana-mana sahaja mereka ini. Boleh dikatakan mereka meneroka hutan yang dipanggil hutan masyarakat iaitu hutan di sekitar perkampungan mereka.

الحمد لله ia merupakan pendapatan sampingan kepada masyarakat kampung. Ertinya kita juga harus 'mengelinga' masyarakat di kampung ini supaya ada juga tambahan pendapatan kepada mereka.

Apa yang kaola ingin kongsi bahawa tumbuh-tumbuhan makanan ini yang tumbuh di tempat-tempat tertentu dalam hutan kita telah pun semakin pupus atau kita bimbang akan pupus kerana aktiviti pengambilan tumbuhan ini oleh masyarakat untuk jualan sebagai hasil pendapatan. Kita dapat melihat bagaimana aktiviti ini dijalankan oleh masyarakat kampung iaitu hasil

pendapatan mereka dijual di 'tamu-tamu' mingguan dan sebagainya. الحمد لله ini antara pendapatan yang dapat menampung kehidupan mereka.

Kalau dulu tumbuhan ini pada tahun-tahun 50-an, 60-an dan 70-an amat mudah diperolehi di tepi-tepi rumah orang-orang kampung atau di tepi-tepi jalan dalam kampung, tetapi sekarang ini tidaklah lagi semudah dahulu ia sudah sukar diperolehi dan jauh ke dalam hutan belantara. Walau macam manapun kerana ia perlu untuk pendapatan, orang kampung sanggup juga meneroka hutan demi untuk mendapatkan hasil-hasil yang boleh menampung pendapatan mereka.

1. Yang Berhormat Pengerusi, kaola sukacita mengongsikan minda dengan pihak Jabatan Perhutanan dan bercadang supaya usaha-usaha menanam semula secara besar-besaran dipergiatkan bersama masyarakat kampung. Ini supaya orang kampung tidak lagi jauh mencari ke dalam hutan belantara dan juga dipergiatkanlah bersama dengan persatuan-persatuan, NGO dan malah MPK misalnya akan dapat bersama-sama bergiat demi Satu Sampung Satu Keluarga yang juga sebagai satu pemedulian untuk hasil-hasil mereka ini. Penanamannya sudah tentulah di tempat-tempat yang bersesuaian.
2. Berbalik kepada program Jabatan Perhutanan, seperti proram penghijauan semula ke atas hutan, pemulihan hutan, kemasyarakatan dan juga pengurusan dan pemulihan

hidupan liar, tumbuhan-tumbuhan ini juga merupakan tumbuhan hidupan liar yang memberikan pendapatan khususnya kepada masyarakat kampung ini. Kaola juga bercadang kepada pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan dapat memberi peluang dan membantu mana-mana pihak yang berminat untuk membuka perusahaan atau ladang tanaman, tumbuhan alami ini sebagai salah satu hasil menyumbang pendapatan melalui aktiviti pertanian.

Yang Berhormat Pengerusi sekian sahaja
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat. Kaola Yang Berhormat Pengerusi melihat ada dua *proposal* daripada ucapan Yang Berhormat tadi itu:

Berkenaan cadangan penanaman semula beberapa bahan makanan yang selalunya didapati dari hutan-hutan kita. Sebenarnya, kita ada kawasan pertanian yang dipanggil KPLB (Kelompok Pertanian Luar Bandar) yang kebanyakannya diusahakan oleh penduduk kampung di semua daerah di Negara Brunei Darussalam dan kebanyakan mereka bertanam buah-buahan seperti durian dan lain-lain, bertanam herba, pisang untuk hasil yang lebih cepat. Jadi, peluang untuk orang-orang kampung berkenaan untuk aktif menanam apa sahaja yang mereka mahu misalnya menanam buah 'kembayau', yang jarang didapati pada masa ini.

Memang didapati seperti di Kampung Meriuk, Kiudang kaola dapati mereka memang bertanam 'kembayau' walaupun memakan masa yang lama untuk menghasilkan buahnya tetapi untuk mengekalkan barang itu ada, jadi digalakkan tiada masalah. Kalau mereka mahu bertanam hasil yang cepat buah-buah seperti pisang, kalau mahu lebih lambat sedikit seperti durian mengambil masa 4 ke 5 tahun, tetapi kalau 'kembayau' itu masanya mungkin lama sedikit. Ada galakan, tiada masalah dan bagi membantu orang ramai menanam tanaman hasil-hasil ini berkaitan juga tadi kalau ada keperluan untuk kita berminat kita boleh membantu memberi nasihat macam mana mendapatkan benihnya, itu tidak ada masalah إِنْ شَاءَ اللَّهُ. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya kira Ahli-Ahli Yang Berhormat sendiri barangkali harus juga menggalakkan anak-anak kampung masing-masing untuk bercucuk tanam mengenai perkara-perkara ataupun bahan-bahan ubat-ubatan yang mungkin boleh jadi hirup-hirupan kemudian nanti barangkali yang boleh dibuat, diusahakan oleh anak-anak buah sendiri di kampung halaman masing-masing. Tidaklah saya kira payah bagi kementerian yang berkenaan untuk turut serta dan kalau sekiranya kementerian ini semua ikut, ia akan bersaing dengan usaha orang-orang kampung, usaha orang-orang kampung yang diadakan khas untuk jualan mereka sendiri haruslah diusahakan aktiviti ini oleh mereka sendiri dengan dorongan daripada abiskita.

Kalau sekiranya diperlukan *in terms of know how* dan baja seumpamanya barangkali boleh kementerian yang berkenaan ikut serta ataupun tempat yang lebih besar pada misalnya ada orang yang suka menanam halia yang boleh dijadikan ubat. Jadi itu tidak menjadi masalah bagi kementerian yang berkenaan untuk mencarikan tempat secara besar-besaran tetapi kalau secara kecil-kecilan ini barangkali harus dibuatlah dengan secara yang berpatutan. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. Kaola lebih dahulu merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya dan terima kasih serta tahniah atas pembentangan serta penerangan lengkap mengenai peruntukan di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Kaola suka membawa di bawah Tajuk SH02A – Jabatan Perhutanan di bawah Kod Akaun 003/000 – Ameniti dan Pemuliharaan Hutan dengan objektif programnya ialah meningkatkan koleksi penyimpanan dan tumbuhan hidup, penyimpanan pengurusan spesis flora melalui program projek kerjasama dan pengurusan taman serta menguruskan dan mempromote kemudahan-kemudahan

awam di Taman Negara dan Taman-Taman Rekreasi serta hutan serta menyelaraskan projek masyarakat dalam program-program projek dan inisiatif yang berkaitan dengan perhutanan.

Dalam hal ini, kaola suka bertanya apakah langkah-langkah yang telah dibuat dan apakah perkembangan dalam menjadikan hutan simpan di kawasan Bukit Teraja, Mukim Labi, dijadikan sebagai Taman Hutan lestari? Selain pemeliharaan flora dan faunanya adakah sudah penempatan bagi binatang-binatang yang dikawal ditempatkan di kawasan tersebut untuk tujuan pembiakan dan pemeliharaan serta keselamatan binatang tersebut dari pupus seperti yang diwartakan?

Seterusnya di bawah Tajuk SH06A - Jabaan Kemajuan Pelancongan, di bawah Kod 004/000 - Program Promosi dan Pemasaran Pelancongan yang objektif programnya ialah meningkatkan pertubuhan jumlah ketibaan pelancong dan pertumbuhan perkhidmatan yang berkaitan dengan pelancongan di Negara Brunei Darussalam supaya ia dapat menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK).

Yang Berhormat Pengerusi. Struktur pelancongan di Negara Brunei Darussalam berkembang maju dan menjadi sumber pendapatan negara yang penting. Hal ini menyebabkan tempat pelancongan di negara ini dibuka dengan banyak seperti cendawan selepas hujan. Namun sejak *COVID-19* melanda dunia, struktur pelancongan

Negara Brunei Darussalam agak terjejas dan merudum. Kerajaan telah menggerakkan semua agensinya untuk memastikan struktur pelancongan berkembang pesat sejajar dengan pembangunan negara yang pantas. Namun, masih ada ruang dan peluang yang wajar dimanfaatkan oleh semua pihak untuk memastikan semua pihak mendapat faedah daripada perkembangan struktur ini. Jika ditinjau dengan mendalam terdapat beberapa langkah yang dapat dilaksanakan untuk memajukan struktur pelancongan di negara kita. Antara langkah yang dapat diambil ialah pihak kerajaan memperkenalkan produk pelancongan baharu yang dapat menarik minat pengunjung. Banyak produk pelancongan yang diterokai oleh pihak-pihak yang terbabit, misalnya kerajaan mengadakan masyarakat melibatkan diri dalam Program Inap Desa dengan lebih banyak.

Oleh itu, kita harus mengambil peluang untuk memperkenalkan keunikan negara ini dengan mengetengahkan budaya hidup dan kesenian masyarakat tempatan. Sebagai contoh, pelancong wajar dibawa untuk tinggal bersama masyarakat luar bandar dengan mendalami cara hidup mereka.

Selain itu kaola mencadangkan supaya adanya kolaborasi antara Jabatan Perhutanan dan Jabatan Pelancongan supaya taman-taman rekreasi dalam pengawasan Jabatan Perhutanan seperti Taman Rekreasi Sungai Liang dan Luagan Lalak diberi kebenaran dan ruang untuk orang ramai ataupun penduduk

kampung menjual pelbagai jenis jualan untuk memperkenalkan produk makanan dan kraftangan tempatan dari pelbagai kaum. Jadi, usaha kerajaan memperkenalkan produk pelancongan baru dapat meningkatkan sektor berkenaan.

Selain badan-badan kerajaan, kaola berpendapat pihak swasta juga wajar memikul tanggungjawab untuk mempromosikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan yang kompetitif bak kata pepatah "ringan sama dijinjing, berat sama dipikul".

Maka, kaola berpendapat semua pihak hendaklah tampil untuk menunjukkan iltizam yang tinggi untuk membantu kerajaan mempromosikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan yang hebat bak kata pepatah lagi "Jika tidak dipecah ruyung, di mana boleh mendapat sagu"

Sekian disampaikan dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Soalan yang pertama daripada Yang Berhormat ialah berkenaan dengan Hutan Teraja sebagai taman hutan lestari dan kalau boleh digunakan tempat perlindungan kehidupan liar. Cadangan ini memang selaras dengan konsep pelancongan yang diperkenalkan ataupun dipromote oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam masa dua tahun yang lalu iaitu

pelancongan lestari bertanggungjawab dan inklusif. Ini bererti pelancong yang akan berkunjung ke tempat itu bukannya akan menebang hutan, menebang kayu tapi akan menanam kayu sebagai contoh. Ini dinamakan lebih bertanggungjawab dan lestari dan jua inklusif bermaksud supaya orang kampung di sana pun akan terlibat ataupun meraih faedah daripada aktiviti pelancongan bukannya disingkir ataupun dikeluarkan dari tempat mereka tinggal kerana untuk dibangun hotel yang besar sehingga hutan pupus dan penduduk kampung terpaksa berpindah keluar.

Pada masa yang sama juga aktiviti untuk memastikan hidupan liar tidak lari dari kawasan berkenaan menjadi susah untuk kita melihatnya. Jadi, inilah yang dikatakan pelancongan lestari bertanggungjawab dan inklusif ataupun *sustainable responsible in inclusive tourism* yang disokong oleh Pertubuhan *ASEAN* dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Pelancongan *ASEAN* pada tahun 2018. Kalau boleh Bukit Teraja itu *our idea* untuk menjadikannya sebagai *sanctuary* kepada hidupan liar bukan saja hidupan liar dari dalam negara malah hidupan liar dari negara jiran pun akan berpindah atau *migrate* ke Hutan Teraja itu disebabkan aktiviti-aktiviti ladang-ladang kelapa sawit kita lihat rancak dilaksanakan di negara-negara berdekatan.

Selanjutnya, berkenaan dengan inap desa dan produk-produk pelancongan di luar bandar. Barang ini sama jua digalakkan, terpulang kepada orang-orang kampung sendiri *through* Majlis

Perundingan Kampung (MPK) akan menggalakkan aktiviti-aktiviti MPK inap desa ataupun kraftangan lagi untuk menarik orang ramai ke sana. Pelancongan juga menjadi sumber pendapatan kepada mereka. Barang ini tidak dihalang dan tidak juga dapat dipaksa seperti kampung ini mesti membuat ini. Kalau ada mana-mana kampung dan MPK yang aktif dalam kraftangan macam orang-orang kampung di Mandaram dan di Teraja, setiap hujung minggu mengadakan pameran-pameran dan hidangan-hidangan kampung untuk orang ramai ke sana. Jadi pihak ejen pelancongan akan dikerahkan untuk mempromosi aktiviti berkenaan untuk dikunjungi oleh pelancong-pelancong dari dalam dan luar negara tertakluk kepada kampung itu.

Kalau orang di Muara dengan cara mereka membuat berbagai-bagai jenis makanan tempatan dan ejen pelancongan akan dikerahkan untuk mempromosi tempat itu dan membawa pelancong ke sana dan lain-lain lagi. Sama juga dengan Temburong dan tempat-tempat lain seperti di Tanjung Maya ada aktiviti membuat minyak kelapa dara dan ada inap desa, ada lamin warisan, jadi, dimasukkan dalam buku panduan pelancong untuk digunakan oleh ejen pelancongan untuk membawa pelancong ke sana. Itulah yang dapat kaola terangkan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi:
Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ Kaola bercakap mengenai di bawah Tajuk SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan. Melihat kepada perkembangan industri pelancongan di Negara Brunei Darussalam khususnya dalam sektor yang berkaitan dengan penginapan ataupun tempat tinggal, jumlah inap desa tempatan yang menepati syarat-syarat yang tertentu yang ditetapkan oleh pihak-pihak yang berkenaan adalah masih rendah. Perkara ini pernah saya tanyakan semasa Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kenam Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2020 melalui Soalan Yang Diberi Notis.

Sehubungan dengan itu, dasar dan syarat-syarat yang tertentu yang sedia ada perlu dikaji semula dan hendaklah dilaksanakan secara berfasa. Bagi menggalakkan pertumbuhan industri pelancongan tempatan dengan memberi perhatian kepada sektor pelancongan industri atau kampung. Kaola sukacita mencadangkan lagi untuk mendapatkan kebenaran tersebut, ada baiknya memberi kuasa kepada Jabatan Kemajuan Pelancongan untuk membuat penelitian sendiri dari aspek perkhidmatan kemudahan dan keselamatan serta memberi kebenaran sewajarnya kepada sektor berkenaan untuk terus beroperasi.

Kedua, mewujudkan syarat-syarat yang tertentu minimum kepada sektor pelancongan kecil di peringkat kampung bagi mewujudkan persaingan yang lebih

sihat seperti penginapan inap desa dan juga pelancongan berasaskan komuniti (CBT).

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat kerana mengajukan beberapa cadangan bagi sektor pelancongan. إِنَّ شَاءَ اللَّهُ sebenarnya ada banyak pengusaha yang menjalankan aktiviti inap desa ini menawarkan ruang rumah mereka untuk dijadikan tempat tinggal kepada pelancong-pelancong. Ada yang tidak berdaftar sebenarnya siapa-siapa yang menawarkan aktiviti inap desa ini untuk pelancong-pelancong haruslah berdaftar. Ketika ini, Jabatan Kemajuan Pelancongan sedang membuat pemantauan untuk memastikan mereka benar-benar berdaftar sebelum mereka menawarkan perkhidmatan mereka kepada orang ramai sebagai tempat penginapan atau inap desa di kampung-kampung.

Sebenarnya untuk menjadikan mereka itu layak untuk menawarkan tempat penginapan inap desa ini ada syarat-syarat tertentu atau *requirement* tertentu untuk mereka layak dan kebanyakan biskaola menggunakan standard yang telah dipersetujui, diakui di rantau *ASEAN* ini. Semua harus sama di negara *ASEAN* ada *standard* yang perlu dipatuhi dari segi memastikan keselamatan, kebersihan, kemudahan bagi penginap-penginap itu supaya

tidak ada isu yang berbangkit yang menyebabkan kecederaan atau ketidakselesaan kepada pengunjung-pengunjung berkenaan. إِنَّ شَاءَ اللَّهُ pemantauan akan terus dibuat untuk mendaftar dan seterusnya mematuhi *standard* yang telah ditetapkan.

Mengenai sama juga dengan *Community Base Tourism*, kebanyakannya akan, yang penting keselamatan dan kebersihan untuk memastikan orang ramai tidak ada isu *in the future* mereka ikut aktif dalam kampung itu ada aktiviti *tracking*, naik bot ataupun *ATV* dan yang lain-lain, mesti ikut *standard* yang diperlukan oleh mana-mana autoriti yang telah menetapkan peraturan misalnya kalau memakai bot, dalam bot memakai *safety*, kalau makai *ATV* itu *make sure the machine is working* dan lain-lain lagi. Yang penting perkara ini diteliti dan dikawal, dipantau dan ditekankan faktor keselamatan yang utama, kebersihan adalah yang utama juga, jadi orang *offer* makanan kampung dan sebagainya yang penting dapurnya bersih, sekitarnya bersih dan selamat. إِنَّ شَاءَ اللَّهُ akan terus dipantau. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Kaola suka untuk membawa di bawah Tajuk SH01A - Jabatan Kementerian Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan. Kaola mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas usaha-usaha kementerian dalam peningkatan aktiviti-aktiviti pertanian, perikanan, perhutanan dan lain-lain di bawah Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan.

Kaola suka mencadangkan pelaksanaan *enforcement* peraturan dan undang-undang dalam bidang jabatan-jabatan di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan seperti penyewaan dan penggunaan tanah gazet pertanian oleh orang-orang asing, peraturan-peraturan dan undang-undang Jabatan Perhutanan, Perikanan dan lain-lain.

Seterusnya kaola membawa di bawah Tajuk SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan. Kaola suka untuk mencadangkan supaya penawaran kepada *FDI* sama ada *Government Link Company* atau *private public partnership* atau sebagainya bagi memajukan tapak-tapak pelancongan yang berpotensi di seluruh negara. Ini dapat memperkasakan sektor pelancongan kebangsaan dengan mencipta pusat-pusat pelancongan yang berinovasi yang dikira berpotensi meningkatkan fiskal negara kerana *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* dunia akan pulih daripada pandemik *COVID-19* dan akan

mengaktifkan sektor pelancongan global dan juga penggalakan pelancongan domestik.

Seterusnya di bawah Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan. Kaola membawa beberapa isu yang ditimbulkan dalam Jabatan Perikanan:

1. Keselamatan belayar. Beberapa tahun kebelakangan ini makin banyak kapal menggunakan laluan hujung Muara putus seperti kapal kargo, kapal-kapal Syarikat Brunei *Shell* dan *Petroleum* dan Syarikat *Hengyi*, kapal menghantar simen, batu dan pasir, feri *BSB-Labuan* dan kapal-kapal nelayan yang semakin banyak.;
2. Dalam pembelian minyak untuk kegunaan kapal penangkapan ikan Zon 3 terpaksa mengikut *BSM Safety Regulation* dengan menggunakan *pickup* dua deram sekali *trip* sedangkan kapal memerlukan 32 deram yang terpaksa mengambil masa 16 *trip* hanya untuk pembelian minyak dan perjalanan kapal ke Tutong, pintu masuk Zon 3 memakan masa 7 ke 8 jam satu hala. Masa terbang hanya untuk perjalanan. Jika dimanfaatkan untuk operasi penangkapan boleh menghasilkan tangkapan yang banyak dengan keperluan perjalanan ke Tutong ini dengan keperluan minyak hingga 16 deram ulang alik Muara Tutong-Tutong Muara dengan kos 1 deram \$60, semua kosnya \$960, hanya pelayaran ke Tutong. Ini sudah impak subsidi minyak hanya untuk belayar. Jika ada stesen

minyak khas *fueling station* untuk kapal perairan Danau Tutong maka perkara ini akan dapat diatasi.;

3. Jambatan yang beratap, panas dan hujan menjejaskan hasil tangkapan.;
4. Tempat melelong hasil tangkapan.;
5. Tempat *repair* hal kapal-kapal (*dockyard*) yang mana *Marine Department dockyard* hanya satu, yang hanya untuk sebuah kapal *even* berbulan-bulan dan sekarang tidak berfungsi. Jika ditawarkan kepada *FDI* mungkin ada kemudahan yang diperlukan, kapal kitani terpaksa ke negeri jiran yang berdekatan.;
6. *Ice House* juga tiada.;
7. Tapak pelabuhan untuk kapal ikan kerana ia *centre* dan pintu masuk Zon 3 dan 4 langsung. Jika ia dari Muara perjalanan terlalu jauh dan banyak menggunakan minyak dan jika ada jambatan tempat pendaratan ikan ditempatkan di Danau Tutong dapatlah dijadikan *hub centre* pelelongan ikan dan sebagainya.;
8. Tempat membuang sampah dan minyak *M oil* yang terpakai tiada disediakan. Baru-baru ini ada wakil *FDI* menghubungi Jabatan Perikanan tetapi kurang mendapat kerjasama yang diperlukan sehingga *FDI* tersebut beralih ke negeri jiran.

Seterusnya di bawah Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Kaola suka untuk mencadangkan supaya penggalakan tanaman komoditi yang berpotensi dijadikan komoditi eksport yang dikira berpotensi mempelbagaikan sumber fiskal negara seperti tanaman rempah dan lain-lain yang pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan lebih arif dalam bidang ini.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat. Kaola cuba kan mengingati apa soalan tadi itu. *I think* mula-mula saranan pelancongan barangkali mengalakkan *FDI, PPP* bagi memajukan tapak-tapak pelancongan di seluruh negara. Seperti yang kaola sentuh dalam mukadimah, memang *our* strategi dalam Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, *one of the strategy* ialah *sustainability*, ertinya biskaola *try* mengkurangkan pergantungan pada perbelanjaan kerajaan dalam mana-mana aktiviti ataupun projek di bawah kementerian sama ada pertanian, penternakan, perikanan ataupun pelancongan.

Sebagai contoh, apabila ada bukan sahaja *FDI* mana-mana sahaja, contoh tadi kaola sebut berkenaan Kampung Perdayan bahawa pelabur dalam negara mencadangkan untuk membangun 30 calet mewah bagi tujuan penginapan pelancong-pelancong untuk menikmati jua alam sekitar, hutan hijau dan bakau di kawasan berkenaan. Projek ini sudah bermula dari awal tahun lepas, pertengahan tahun lepas dan akan

dijangka siap pertengahan tahun ini *إِنْ شَاءَ اللهُ* akan mula dibuka pada hujung tahun ini. Jadi tidak ada kos (*zero cost*) *to government* masih *clear* dan mereka sudah bertekad bagi memastikan untuk memelihara alam sekitar dan ketika ini kita sudah menawarkan untuk pelabur dalam negara untuk mengurus *resort* kitani di Ulu Temburong. Kita juga menawarkan kepada pelabur untuk mengurus satu lokasi di Teraja, Labi untuk menjadikan tempat *one stop tourist business centre*. Semua pelancong atau pelajar-pelajar sekolah akan berkumpul untuk diberi penerangan mengenai hutan, kehidupan liar, *biodiversity* sebelum mereka meneruskan perjalanan mereka sama ada Hutan Teraja ataupun Wasai Wang Kadir ataupun melawat rumah panjang dan melawat di sekitar Labi ataupun terlibat dengan aktiviti-aktiviti *forest station* ataupun menanam kayu dan lain-lain lagi.

Jadi, barang ini bukannya barang baharu bagi kementerian sebagai satu strategi kementerian untuk menggalakkan *FDI* ataupun *private sector* untuk memajukan. *إِنْ شَاءَ اللهُ* dalam beberapa bulan akan datang ini akan ada 2 lagi *RFP* yang akan dikeluarkan bagi pelabur-pelabur untuk memajukan beberapa kawasan yang sudah digazet di bawah Jabatan Kemajuan Pelancongan untuk dimajukan sama ada sebagai *amusement park* ataupun *education entertainmet park* ataupun sebagai restoran untuk di tempat-tempat tertentu dan lain-lain lagi.

Dari sektor perikanan, abiskaola akan berunding dengan berapa jabatan

kementerian macam isu keselamatan pelayaran bagi perkapalan, penangkap-penangkap ikan kitani di tempat yang sama jua laluan bagi feri-feri jiran kitani, bagi kargo-kargo jua di Muara, *channel* yang sama untuk menuju ke Pelabuhan Muara, dan ke *Fish Landing Complex (FLC)* di Serasa. *إِنْ شَاءَ اللهُ* akan dirundingkan bersama Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (*MTIC*). Berkenaan dengan minyak bagi kapal-kapal menerokai Zon 3 untuk menangkap ikan dan memakan masa yang panjang sampai satu hari baru sampai ke tempat itu. Jadi, memerlukan banyak minyak untuk digunakann untuk sampai ke tempat itu, apalagi ke tempat-tempat lain di Daerah Tutong jadinya belum lagi menangkap ikan *costnya* sudah tinggi kerana perbelanjaan minyak. Masa ini, kementerian sedang berunding dengan Kementerian Tenaga dan juga Kementerian Kewangan dan Ekonomi juga mengenai dengan:

1. Cara-cara kitani memberi kemudahan untuk mereka mendapatkan minyak bagi membuat *trip* ke luar pantai dan balik semula dan *at the same time* melihat harga yang sesuai untuk mereka membayar untuk menjalankan aktiviti-aktiviti menangkap ikan di luar pantai;
2. Jambatan beratap. Adakah ini diberi bagi penangkap-penangkap ikan? Kalau memang diperlukan mungkin dibuat terpulang pada kehendak penangkap ikan tapi ada tempatnya di *FLC (Fish Landing Complex)* seperti yang dimaklumi tadi dalam mukadimah pun kaola memberitahu

Fish Landing Complex di Serasa itu, telah dilantik *private sector* untuk *to design, build, operate and maintain* memodenkan *Fish Landing Complex* itu supaya lebih moden, membuat tempat jeti yang lebih sesuai, beratap seperti yang disebut oleh Yang Berhormat dan menggunakan *conveyer bail* yang bagus dan memastikan suhu yang sesuai bagi ikan daripada kapal dipunggah dan masuk ke kawasan *sorting* dan kawasan *cold storage*. Jadi akan lebih moden dan bersistem lebih konsisten kualiti ikan itu disebabkan beratap, keduanya dengan pengawalan suhu yang sesuai yang dikehendaki oleh orang ramai, pembeli, penjual juga untuk negara-negara tempat kita mengeksport ikan-ikan itu. Tempat-tempat lelong ikan, (*fish carnival*) diadakan sekali-sekala secara berkala mengikut kesesuaiannya kalau tangkapan banyak. Jadi nelayan memerlukan tempat untuk mereka melelong. Kementerian perlu akan mengusahakan tempat-tempat mereka untuk melelong yang mana ikan selalu diadakan di kawasan *Fish Landing Complex* itu. Akan tetapi ikan ini masalahnya memerlukan *temperature* ataupun suhu yang sesuai sebab tempat tersebut ditakuti akan rosak kualiti ikan itu dan tidak dapat dimakan lagi sebab tempatnya mesti sesuai dengan ada kemudahan penyejuknya.; dan

3. Tempat *repair* kapal, kapal penangkap ikan masa ini abiskaola sudah berunding dengan

Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi untuk mengenal pasti kos kawasan yang sesuai untuk dijadikan tempat pengusaha mengusahakan aktiviti merempair kapal-kapal ikan di Negara Brunei Darussalam. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan dikongsi apabila sudah ada.

Ice house cold storage, cold storage pada masa ini sudah penuh dengan adanya *private sector* akan mengurus at *FLC (Fish Landing Complex)* maka rumah ais akan lebih canggih, besar dan lebih sesuai dan lebih menepati kehendak yang diperlukan oleh pembeli sama ada dalam negeri dan luar negara untuk memastikan ikan itu tidak buruk atau rosak.

Tapak pelabuhan penangkap ikan di Danau. Pada masa ini, ada tempat penurunan perahu di Kuala Tutong tidak jauh dari Danau. Jika ada keperluan Danau dapat jua difikirkan. Tempat pembuangan sampah dan sisa-sisa minyak barangkali *FLC (Fish Landing Complex)* semuanya ada kita mengharapkan kebanyakannya aktiviti kalau pukut tunda salah satu yang besardi sebelah Muara, memang ada di Daerah Tutong, Belait dan Daerah Temburong.

Hopefully kita mengadakan jerayawara untuk memastikan tidak membuang sesuka hati sisa minyak supaya tidak menjadikan pencemaran yang boleh menyebabkan gangguan kepada kehidupan ikan-ikan di kawasan berkenaan. Pertanian cadangan tanaman kualiti barangan paling tinggi seperti rempah dan lain-lain boleh

menembusi pasaran eksport seperti saya sebutkan beberapa kali memang *target* untuk memberi tumpuan kepada penanaman secara berteknologi tinggi, peladang-peladang sendiri lebih suka memilih kepada jenis tanaman yang berkualiti tinggi pada masa yang sama akan meraih harga yang tinggi meraih keuntungan kepada mereka.

Baru-baru ini ada peladang yang menanam *micro green* yang mempunyai khasiat yang tinggi nutrisi *value* 40 kali ganda salad atau *lettuce* harganya pun 3 kali ganda tinggi tetapi *space* yang diambilnya adalah kecil. Ini akan menggalakkan peladang itu supaya *richer*. Mereka berkecimpung dalam bidang pertanian tidak lagi mencari kerja kerana pertanian itu memberi sumber pendapatan yang tinggi kepada mereka tertakluk kepada kebijakan mereka apa yang ditanam itu untuk memilih adakah tomato, asparagus, chilli, peria dan terung, semuanya akan mempunyai harga yang berlainan.

Kebanyakannya peladang komersial akan memilih jenis tanaman sayur-sayuran yang berkualiti tinggi dapat meraih harga yang tinggi. Dengan sendirinya barang yang murah itu terpaksa diimport, *supply* mereka juga menyasarkan pesanan eksport kecil *the only way* pilihan mereka yang besar untuk menasaskan pasar import bukan tertumpu kepada dalam negara sahaja.

1. Eksport untuk membesarkan ladang mereka.; dan

2. Diproses menjadi cili sos, *dan cili fresh* itu dieksport jika ditahan *they didn't grow*.

itu sahaja jawapan kaola secara ringkas.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. Dalam siri lawatan ke ladang buah-buahan yang berskala besar di semua daerah menunjukkan banyak kemajuan pertanian, perikanan dan perhutanan telah dapat menyumbangkan menaikkan digital negara. Tahniah diucapkan kepada Keementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Masih kedengaran keluhan-keluhan yang didengar daripada peladang-peladang mereka mengharapkan bantuan dari segi modal kewangan. Ketika ini institusi kewangan kurang memberi bantuan pinjaman kewangan dalam bidang pertanian dan perikanan. Beliau ketika ini tidak banyak yang mempunyai tanah untuk dijadikan jaminan tidak banyak mahu menjadi penjamin untuk menjadi penjamin.

Diminta instiusi perbankan akan dapat membantu dalam hal ini. Kemungkinan mewujudkan satu skim kewangan khas dalam sama-sama membangunkan pertanian di negara ini. Untuk melihat

balik skim subsidi yang pernah diwujudkan seperti benih anak pokok, baja dan benih sayur-sayuran yang berkualiti. Maka subsidi dipohonkan supaya sebahagian sahaja daripada harga itu bukan subsidi untuk 100% memastikan tidak ada ketirisan dan sebagainya. Ladang mereka juga perlu dikawal dan diberikan bimbingan bagi memastikan kejayaannya.

Kaola membawa di bawah Tajuk SH06A – Jabatan Kemanjuaan dan Pelancongan. Sektor pelancongan adalah sektor yang paling terjejas disebabkan pandemik *COVID-19* sejak bulan Mac 2020. Ada syarikat terpaksa ditutup sementara. Ada yang terpaksa menjual syarikatnya, terpaksa memberhentikan pekerja, terpaksa menanggung kerugian yang besar.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ bahagian *Outbound Operator* ada sedikit pendapatan bagi aktiviti yang di dalam negeri. Hotel-hotel tidak ada penghuni kecuali yang tersenarai bagi menempatkan kuarantin *COVID-19*. اللّٰحْمَدُ لِلّٰهِ pada musim cuti sekolah ada pelanggan tempatan tinggal di hotel-hotel untuk mereka berehat. Mudah-mudahan dengan adanya suntikan vaksin nanti akan dapat merencanakan lagi aktiviti pelancongan yang membolehkan umat islam menunaikan haji dan umrah.

Ada beberapa cadangan yang disuarakan oleh syarikat-syarikat pelancongan yang berlesen. Iaitu seperti berikut:

1. Menimbangakan dikecualikan bayaran lesen tahunan selama 3 tahun.;

2. Membolehkan *travel agent* untuk beroperasi dari rumah sehinggalah perniagaan pelancongan berjalan seperti biasa bagi mengurangkan bebanan sewa.; dan
3. Bayaran pinjaman bank dapat ditangguhkan lagi beberapa bulan yang difikirkan bersesuaian.

Pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan akan dapat memantau bagi operator persendirian yang tidak mempunyai lesen dan tidak mempunyai ofis dan komitmen seperti sewa dan lain-lain. Lebih lagi bahaya mereka yang tidak mempunyai insurans bagi pelanggan mereka.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat. Komen-komen yang dibuat tadi, soalan pertama, mengenai modal kewangan menjadi keluhan kepada peladang-peladang kitani. Memanglah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Pertanian, Ternakan dan Perikanan tidak ada kemudahan untuk menghulurkan modal kepada peladang-peladang itu disebabkan ini adalah fungsi daripada agensi lain untuk menyediakannya. Tapi kementerian sudah pun berunding dengan beberapa institusi seperti Bank Usahawan dan DARE juga mengenai *matching modal* dan kementerian juga sering berunding dengan bank-bank,

institusi kewangan dalam negara bagi memastikan mereka ada produk-produk tertentu yang boleh diambil peluang oleh peladang-peladang kitani, memanglah mereka ada syarat-syarat tertentu.

Abiskaola akan memandu peladang-peladang itu terutama peladang-peladang yang baru bekecimpung untuk memastikan mereka bersedia untuk membuat permohonan bantuan kewangan sama ada daripada Bank Usahawan ataupun bank-bank biasa dan juga *DARe*. Abiskaola *more less* tahu apa yang dikehendaki misalnya *business modal, cash flow* punya *progression*, berapa *capital*, berapa *operation cost*, berapa hasil, berapa keuntungan, boleh membayar bank atau tidak dan lain-lain lagi.

Abiskaola akan membantu mereka walaupun orang kitani ini bukannya pakar dalam bidang kewangan tetapi *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* abiskaola akan cuba untuk memastikan mereka ini tidak kepayahan atau 'kial-kial' nanti apabila disoal nanti oleh orang yang sepatutnya memberikan kewangan itu nanti, seboleh-bolehnya abis kaola akan menolong nanti Yang Berhormat Pengerusi. Selanjutnya terpulanglah kepada pihak yang berkenaan sama ada untuk menghulurkan ataupun tidak tetapi abiskaola akan memastikan mereka tidak terbiar untuk berjumpa dan akan cuba mematuhi kehendak-kehendak isu yang mengeluarkan kewangan itu dipatuhi supaya mendapat sumber kewangan yang diperlukan. Macam hari itu ada 4/5 buah syarikat belia yang bertanam sayur-sayuran *particular* sama ada untuk

memulakan atau membesarkan ladang mereka, sudah pun mendapat bantuan *Co-Matching Grant* daripada *DARe*, iaitu pihak peladang akan menyediakan 30% daripada kehendak itu dan 70% akan disumbang oleh *DARe* secara percuma, secara berfasa juga. Difahami adalah sekitar sampai \$60 ribu boleh didapatkan modal untuk tujuan berkenaan, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan diteruskan.

Mengenai dengan benih anak-anak pokok dan subsidi-subsidi, barangkali sudah berjalan pada masa ini, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan dibantu, tujuan kitani untuk memastikan benih pokok itu cukup untuk dibantukan kepada peladang. Kementerian memantau iaitu ada seorang akaun *manager* yang akan memantau 4/5 buah ladang, jadi mereka ini melawat ladang secara *regular* dan peladang pun tahu siapa akan dihubungi jika ada masalah penyakit, tanah tidak baik, banjir atau apa saja dan orang inilah yang akan memantau dan membawa balik ke kementerian dan berdiskus macam mana cara menyelesaikan masalah peladang itu. Perkara ini memang sudah dibuat bukannya barang baharu, memantau ini sudah dibuat.

Mengenai sektor pelancongan, tadi Ahli Yang Berhormat membuat cadangan beberapa pengecualian daripada membayar lesen, sewa tapak/bangunan, bank dan lain-lain lagi. Dulu ada inisiatif fiskal polisi, ada yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa pembentangan bajet hari itu, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* abiskaola melihat sama

ada industri pelancongan ada *benefit* daripada perkara ini. Walau bagaimanapun Majlis Ugama Islam Brunei ada memberikan bantuan kepada pemandu-pemandu pelancong dalam tempoh 3 bulan sebagai meringankan beban mereka itu. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** yang lain itu akan diteliti, dipertimbangkan dengan kementerian yang berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola akan menyampaikan perkara di bawah Tajuk SH06A – Jabatan Kemajuan Pelancongan. Yang Berhormat Pengerusi, sudah setahun kita telah menghadapi krisis global iaitu penularan wabak virus sehingga menyebabkan larangan untuk ke luar sempadan atau ke luar negara. Namun hikmah di sebalik krisis ini, orang ramai mula meneroka pelancongan dalam negara. Kaola percaya banyak tempat menarik yang berpotensi untuk dijadikan tarikan ekopelancongan di dalam negara, tinggal sahaja tempat-tempat tarikan orang ramai seperti Sungai Selapon, Batang Duri, Pantai Tanjung Batu memerlukan prasarana atau kemudahan asas seperti kemudahan tandas, persalinan dan sebagainya agar tempat-tempat ini selesa dan selamat bahkan terus terpelihara daripada pencemaran.

Kaola cuma ingin mengetahui apakah langkah kementerian dalam usaha menjadikan pelancongan dalam negeri ini sebagai satu budaya walaupun situasi global sudah kembali *normal* justeru membolehkan kita keluar sempadan? Perancangan apakah yang sudah diatur oleh kementerian dalam memastikan pelancongan domestik ini kekal berterusan?

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat. Memandangkan *COVID-19* yang melanda global dan termasuk Negara Brunei Darussalam, jadi kedatangan pelancong dari luar negara telah berkurang daripada 323 ribu pada tahun 2019 kepada 62 ribu pada tahun 2020. Strategi kementerian khususnya Jabatan Kemajuan Pelancongan memfokus kepada domestik pelancongan ertinya menggalakkan orang dalam negeri (*resident*) melancong di dalam negara. Beberapa inisiatif telah dibuat sebagai contoh pada tahun lepas kitani melancarkan satu promosi pelancongan dalam negara dan kita mendapati asas utama untuk menarik pelancong dalam negara untuk berkunjung ke sana sini, orang dari Daerah Belait ke Daerah Temburong, orang dari Daerah Temburong ke Daerah Belait atau Tutong. Tarikan utama ialah makanan

Yang Berhormat Pengerusi. Jadinya abis kaola telah berunding dengan pihak Belait, Tutong dan Brunei Muara dan juga di Temburong untuk meningkatkan cara mereka mem *present* masakan local itu, supaya lebih menarik dan nampak kelainannya daripada tempat-tempat lain tetapi *at the same time* menyelerakan, jadi dipanggil Selera Bruneiku dan **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** kebetulan pada hujung tahun itu, musim cuti sekolah mendapat sambutan yang baik, hotel-hotel menawarkan seperti hotel di Belait menawarkan makanan Belait, hotel Tutong menawarkan makanan Tutong, di Temburong dengan udang galah dan telur masinnya.

Diselajurkan dengan seperti yang kita ketahui kita membuat *Brunei December Festival* sudah 4 tahun yang tujuannya untuk menggalakkan orang kitani bercuti dalam negara dan menggalakkan jua *event organizers to be active* untuk berbisnes dan ini tidak memerlukan duit kerajaan kerana *basicy event manager* akan *organize event* dan menerima *income* daripada kunjungan orang ramai dan membiayai kos melalui bayaran orang itu, orang menyertai *event* itu. Selain mengukuhkan produk-produk pelancongan dalam negara itu, yang penting juga abiskaola mengambil kesempatan dalam tiadanya pelancong dari luar ini untuk mengukuhkan tahap keselamatan, kebersihan dan keselesaan di tempat-tempat destinasi pelancongan di seluruh negara. Beberapa audit telah dibuat di beberapa tempat-tempat pelancongan termasuk tandas-tandas mereka dipastikan bersih, dapur mereka dipastikan bersih dan perkhidmatan mereka adalah bagus, cekap dan malah

abiskaola telah memperkenalkan atau memberigakan *Islamic values* nilai-nilai Islam dalam memberi perkhidmatan kepada orang ramai sebagai satu panduan seperti pelancong datang ataupun *guest* tetamu itu datang ke rumah kitani ataupun ke restoran kitani itu dibuka pintu untuk ia masuk dan sediakan, suruh duduk 'bisai-bisai' diberi perkhidmatan yang baik dan pakaian yang bersih dengan menghormati mereka.

Kalau ia balik karang dibukakan pintu, kalau boleh dihantar ke keretanya, kalau musim hujan disediakan payung, diucapkan terima kasih, diajak untuk datang lagi akan datang. Jadi berbagai-bagai cara kitani untuk memastikan:

1. Dikukuhkan produk itu;
2. Dikukuhkan perkhidmatannya;
3. Dipastikan keselamatan; dan
4. Kebersihan dan perkhidmatan yang terbaik.

Jadi, itulah Yang Berhormat Pengerusi sebagai jawapan abiskaola.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ** Kaola merujuk di bawah Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan. Dalam tajuk ini kaola hanya ingin mencadangkan beberapa perkara di bawah seperti berikut:

1. Kembalikan peranan Jabatan Perikanan untuk membuat kursus-kursus, latihan-latihan pemprosesan berasaskan makanan laut seperti yang pernah dibuat sebelum ini akan dapat diusahakan, khususnya bagi memberi kursus dan latihan kepada belia dan beliawanis kalangan ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung dan Mukim dengan harapan para belia dan beliawanis akan mempunyai kemahiran dan mampu menciptakan atau merealisasikan produk-produk kampung.; dan
2. Jabatan Perikanan juga perlu menambah lot-lot dan kawasan-kawasan ternakan ikan terapung di kawasan yang bersesuaian khususnya di sepanjang perairan sungai antara Kampung Puduk dan Kampung Sungai Bunga dan pemberian lesen juga hendaklah diberi keutamaan kepada warga kedua-ke dua buah kampung berkenaan. Ini bertujuan meningkatkan sosiaekonomi penduduk kampung berkenaan dan sekali gus mengelakkan daripada penghijrahan warga kampung tersebut ke tempat yang lain.

Seterusnya merujuk di bawah Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Sepertimana yang kita maklumi bersama, masih luas tanah-tanah di negara ini yang masih belum diterokai selain tanah-tanah digunakan untuk tanaman padi dan projek-projek perikanan seperti udang dan sebagainya. Pertanyaan kaola, apakah sudah ada

dalam perancangan pihak kementerian untuk memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan yang berminat untuk diberikan bimbingan secara berterusan bagi menerokai untuk menghasilkan pelbagai produk yang berlainan dan boleh diusahakan seperti penanaman kurma, anggur, apokat dan seumpamanya bagi tujuan mengurangkan import ke negara ini?

Seterusnya merujuk di bawah Tajuk SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan. Kaola juga ingin memberikan beberapa cadangan dan seterusnya memohon bantuan. Dipohonkan untuk memperkukuhkan infrastruktur seperti 'ranting-ranting' terapung ataupun bantuan bagi keselesaan dan keselamatan pelancong-pelancong untuk turun naik bagi kampung-kampung di air sebagai contoh Kampung Sungai Bunga, kerana kampung berkenaan sudah dikenali sebagai destinasi pelancongan di peringkat serantau dan telah menyandang 2 anugerah, iaitu *ASEAN Home Stay Standard* dan *ASEAN Community Best Tourism*. Kedua, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan juga perlu terlibat secara langsung dalam merangka dasar-dasar yang berkaitan dengan aktiviti pelancongan berasaskan sukan, seperti sukan mendaki bukit, *hiking, camping* dan seumpamanya dan bersedia untuk memberikan bantuan khidmat nasihat dan sokongan Majlis Perundingan Kampung dan Mukim yang terlibat secara langsung menyokong dan membantu

merealisasikan impian belia remaja dan peminat sukan seperti ini.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat.

Ada beberapa cadangan untuk sektor perikanan untuk mengembalikan peranan kementerian bagi mengadakan kursus-kursus proses makanan laut terutama belia. *Actually*, tidak pulang ada rancangan untuk memberhentikan kursus-kursus ini. *In fact* baru-baru ini pegawai perikanan memastikan aktiviti ini akan dikukuhkan lagi **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** Untuk memberi lot-lot kawasan ternakan ikan terapung di Kampung Puduk dan Kampung Sungai Bunga dan diberi keutamaan kepada penduduk-penduduk berkenaan, sama jua, tidak pernah ada halangan untuk berkembang dalam bidang sangkar ini, cuma yang pentingnya memohon kebenaran, kalau ada modalnya untuk membuat, silakan membuat dan akan diberikan nasihat apa kesesuaiannya tempat itu untuk ikan apa, adakah ikan selongsong atau ikan air tawar, ikan air masin dan seperti yang diketahui kalau di sungai-sungai ini kadang-kadang berubah. Kalau ia ikan air masin tapi kalau musim hujan jadi tawar, jadi mungkin ikan itu mati. Jadi, bukan jua senang, akan diberi nasihatlah **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kalau ada keperluan dan tiada halangan, siapa-siapa sahaja boleh. Orang kampung mereka digalakkan mereka itu kampung diorang.

Tapi masa ini banyak sudah kosong atau ditinggalkan pasal *COVID-19* ini. Ada orang mengeksport, eksport itu terhalang. Ada kosong di Pelumpong, ada kawasan yang luas lagi untuk digalakkan kepada pengusaha luar negara ataupun dalam negara. Apakah perancangan untuk memberi peluang pekerjaan kepada orang kitani untuk terlibat dalam bidang pertanian, terutama sekali dalam penanaman kurma, anggur, *avocado*? Jadinya, sama jua tidak pernah dihalang apa saja tanam saja *because* ia bertanam untuk sendiri, pendapatan kitani.

Kalau difikirkan *avocado* itu menguntungkan, silakan tanam *avocado*, kalau kurma menguntungkan, tanam kurma. Memang sudah ada orang yang menanam *avocado*, anggur. Kaola pun hairan, boleh bertanam anggur di sini, ada, cuma tidak secara besar-besaran sebabnya mungkin tidak menguntungkan. Kurma ada orang mencuba, kalau boleh ditangani sendiri dan tidak membawa penyakit terhadap tanaman lain dipersilakan. Sebabnya kurma ini kebanyakannya dimport dari luar negara, pohonnya. Itu tertakluk kepada kajian saintifik sama ada ia membawa serangga yang boleh jadi penghalang ataupun penghapus kepada kurma atau kelapa kitani *because* ia sama jenis.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ kaola akan bersedia untuk mendengar cadangan dan memberi nasihat kepada sesiapa saja yang mahu terlibat dalam bidang pertanian dan perikanan. Dari segi pelancongan, dikukuhkan lanting-lanting terapung

ataupun *pontoon* di Kampung Sungai Bunga. Perkara ini akan dilihat, Yang Berhormat Pengerusi إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menyampaikan rasa berterima kasih kepada pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas usaha gigih dalam memastikan bekalan makanan mencukupi dan memberi peluang pendekatan dengan pengusaha-pengusaha tempatan dalam pelbagai industri pertanian, perikanan dan *aquaculture* di keempat-empat buah daerah.

Kaola juga ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian atas kejayaan Ekspo Produk Perkayuan yang telah mendapat banyak komen yang positif. Dicadangkan ia boleh dimasukkan ke dalam kalendar kementerian setiap tahun sempena Hari Hutan Antarabangsa dan disokong peruntukan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Kaola juga ingin *highlight* usaha Jabatan Perhutanan yang sangat gigih menjalankan aktiviti penanaman pokok dan tahniah atas 88 tahun penubuhan jabatan.

Kaola ingin bertanya, apakah *status* jumlah pokok yang telah ditanam sejak *BNCCP* dilancarkan bagi mencapai sasaran untuk menanam 500,000 pokok baharu menjelang tahun 2035?

Kaola ingin mencadangkan kepada kementerian selaku *leading agency* bagi strategi 2 *BNCCP* iaitu Liputan Hutan untuk membuat *live counter* di laman sesawang kementerian bagi melihatkan jumlah pokok yang sudah ditanam bukan sahaja oleh kementerian tetapi juga kementerian dan agensi-agensi lain bagi memperlihatkan usaha *whole of nation approach* dan menggalakkan lebih banyak sumbangan ke arah ini.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat dan atas penghargaan terhadap pencapaian-pencapaian yang telah pun dicapai oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Terima kasih juga atas *support* dari Yang Berhormat sendiri dalam aktiviti yang berkaitan dengan penanaman pokok-pokok bagi menyokong *climate change* inisiatif di Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Kementerian Pembangunan. Terima kasih atas penghargaan bagi inisiatif mengadakan ekspo buatan kayu tempatan yang pertama diadakan minggu lepas sehingga semalam dan kaola bercadang untuk mengadakan secara *regular*, mungkin *during December Festival* akan diadakan jua dan diadakan setiap kali menyambut

Hari Hutan Antarabangsa dan ia telah mendapat sambutan dari pengusaha dan juga orang ramai untuk ikut serta pada *event* yang akan datang.

Status pokok yang telah ditanam ketika ini saya kurang pasti berapa jumlahnya tetapi kitani ada *target* setiap tahun berapa yang ditanam dengan kerjasama bukan saja kementerian tetapi juga orang ramai, kedutaan, *NGO's*, sekolah-sekolah dan korporat-korporat melalui *corporate social supportability* ikut serta dalam menayakan sasaran kitani untuk menanam 500,000 pokok sehingga 2035 ini.

Tadi, kaola ada menyatakan 10 tahun yang lalu telah menanam sekitar 2 juta pokok termasuk yang kitani tanam kelmarin itu. Terima kasih atas cadangan untuk mengadakan *live counter* untuk kitani memantau *status* pokok-pokok yang telah ditanam selama ini dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan difikirkan dengan kementerian atau agensi yang berkenaan macam mana caranya untuk kitani memantau pokok itu termasuk yang ditanam oleh individu. Individu itu boleh memantau pokok yang kitani tanam itu 10 tahun yang akan datang sekiranya orang itu duta atau dari negara mana pun apabila ia balik ke negerinya ia tahu pokoknya itu tumbuh atau tidak. Kitani tahu pokok yang kitani tanam itu menjadi atau tidak. Kalau jadi *what we do with it?* Adakah diganti dengan pokok yang baharu jangan terbiar ataupun tidak jadi, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang akhir sekali, saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Pengerusi, pertama kaola memohon maaf kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kerana awal pagi tadi kaola ada berjumpa Yang Berhormat. Jadi Yang Berhormat bertanya ada apa-apa isu Yang Berhormat? Kaola menjawab, mungkin tidak ada. Kami sudah pernah bermuzakarah beberapa kali dan dalam kesempatan yang lain pun ada jua sudah memudahkannya. Tetapi baru jua kaola teringat ada satu isu yang boleh barangkali kitani kongsi iaitu *food security*.

Perkara ini mendatangkan *concern* jua kepada rakyat kerana semasa *COVID-19* ini nampak jelas beberapa komoditi ataupun hasil-hasil keluaran yang tidak ada di negara kitani hinggan bawang pun tidak ada, bawang India disebabkan mungkin ada banjir dan sebagainya dan diganti dengan bawang Belanda tapi rasa bawang Belanda itu agak pedas jadi

tidaklah dapat dimakan mentah sebagai ulam dan sebagainya. Kaola ingin mengaitkan perkara ini dengan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Baginda sering bertitah dan ada di satu majlis, Perasmian Majlis Ilmu 2018 baginda telah benar-benar menekankan perkara ini. Jadi, Majlis Ilmu tersebut menggunakan tema: Sektor Pertanian Survivabiliti Bangsa dan Negara. Dalam hubungan ini, kaola ingin mencadangkan supaya Jabatan Pertanian, khususnya Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melihat lagi, mereviu selama ini kitani berfikiran kecuali beras, kitani mesti menghasilkan beras sendiri kerana beras adalah makanan utama kitani tetapi barang-barang lain seumpamanya seperti tepung dan sebagainya indera jua perlu kitani mengeluarkan dengan pasaran yang terhad di negara kitani, baiklah kitani mngambil dari luar. Itu pemikiran lama kitani gunakan sebelum ini. Sudah sampai masanya barangkali pada pemikiran kaola kitani harus mandiri iaitu berdiri sendiri.

Dalam keadaan-keadaan tertentu kitani boleh hidup tanpa memerlukan membeli dari pihak luar. Perusahaan-perusahaan yang kaola terfikir ialah yang boleh menjana pertanian orang-orang kampung misalnya kilang tepung yang daripada ubi kayu dan sebagainya, ataupun kilang nenas yang pada masa ini kilang nenas di Kampung Tungku sudah pun berkembang dan menjadi buruan orang ramai dan pernah ditawarkan lagi tambahan tanah bagi mereka. Dan

banyak lagi khazanah alam kitani, marilah sama-sama kitani menggunakan anugerah alam itu untuk kemajuan dan kemakmuran negara kitani dan bukalah peluang seluas-luasnya dengan menyediakan kemudahan-kemudahan seperti pembukaan perusahaan-perusahaan.

Selama ini bukan tiada, ada, perusahaan mi, kelapa dara dan sebagainya tapi dalam bentuk yang kecil. Tapi kalau kilang yang bersesuaian untuk tujuan eksport barangkali perlu kitani terokai lagi dan dicuba kejayaannya. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih. *وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ*

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat. Isu tajuk *food security* ini, memang luas, kitani bukan sahaja cakap pasal isu itu tetapi di kementerian cuba untuk menjawab soalan yang dinyatakan iaitu:

1. *Food security*;
2. Menyumbang kepada peningkatan kepada KDNK;
3. Menyumbang kepada eksport; dan
4. Menyumbang kepada industri hiliran.

Jadi, bermacam-macam. Sebenarnya sama sahaja. Jawapannya banyakk keluaran kita itu dari segi telur, ayam, lada, buah-buahan, daging, ikan kitani dan apa sahaja banyakk pengeluaranannya itu. Kitani ke luar negara seperti di Thailand dan di England, dilihat di pasar mereka itu

bertimbun seperti cili bertimbun, epal itu bertimbun terutama sekali barang-barang yang boleh ditanam di sini. Kalau epal memang tidak dapat, tapi kalau dapat kan mencuba, cuba tia.

Tetapi yang dapat ditanam kemari tanam kalau boleh bukan kementerian tapi peladang dan pengusaha kitani itu yang menghasilkan. Kementerian tidak bertanam apa-apa. Jadi biskaola memang tidak pernah menghalang *in fact our message* kaola pengawai dan peladang sama sahaja iaitu banyakkian tia kalau dulu keluarannya lada cilinya 100 tan misalnya tahun lepas tahun 2020. Tahun ini mesti 120 tan dan tahun depan mesti 200 tan. Apa saja macam bawang, itu tidak sesuai *climate* kitani dan ubi kentang pun tidak sesuai.

Yang perlu kita gunakan seperti minyak makan, itu mungkin kelapa sawit bahannya ataupun jagung tapi kitani mesti juga tanam kelapa sawit dahulu adakah sesuai untuk menanam kelapa sawit atau tidak. Jadi, usulnya bercakap pasal *food security* ini, memang kitani bertanam sendirilah, semua sekali yang dapat ditanam akan ditanam di sini tapi *at the same time i think* ada satu lagi yang paling penting ialah tani ada berbaik-baik dengan negara-negara yang mengeksport barang itu, macam kitani import epalkah, *avocado* dari tempat lain, tapi adakah ekonomik bagi peladang itu, peladang akan memikirkan apakah *avocado* akan menguntungkan atau tidak kerana durang mahu duit itu, kebanyakan berfikir peladang ini ia mahu harga yang tinggi dan boleh dituai secepat yang mungkin. Kalaupun

part time lainlah kalau orang yang bisnes itu yang difikirkannya.

Jadinya, Kami juga menggalakkan mereka menanam durian dan buah yang dapat dituai laju secara untuk *cash crop*. Walau betanam sayur-sayuran, buah tarap dan boleh juga buah lain tapi untuk *incomenya* kali baik jua betanam pisang juga bagi mendapat *regular income*. Kadang kata orang kalau pisang dalam 2 hektar *incomenya* dalam \$2,000 sebulan tapi kalau durian menunggu musimnya. Macam tahun lepas, tiada musimnya maka tiada *income*. Jadi, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* difikirkanlah Yang Berhormat Pengerusi. Kita tidak boleh mengalah atau *surrender* dan kini ada sudah orang yang bertanam anggur, strawberi dan buah tin pada masa ini, kurma juga dalam percubaan. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* Yang Berhormat Pengerusi akan diusahakan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, kita telahpun berbincang sepanjang pagi mengenai dengan Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A – Kementerian Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Saya rasa cukup sekian, maka tajuk ini akan saya undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya tajuk-tajuk ini kita luluskan sila angkat tangan. Terima kasih semuanya bersetuju.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin mencadangkan supaya persidangan kita ini ditangguhkan dan kita bersidang semula di Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukup bagi pagi ini kita bersidang. Maka saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula pada petang nanti sebagaimana lazim pada pukul 2.30 petang.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)